

0883

R 0486 DEB
MAHATHIR - SEMARAK

MELAKA, 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HUBUNGAN ANTARA PEMIMPIN DAN RAKYAT PERLU DIPELIHARA SEPANJANG WAKTU DAN BUKANNYA APABILA MENJELANG PILIHAN RAYA SAHAJA. PERDAMA MENTERI BERKATA, HUBUNGAN YANG KUKUH ADALAH PENTING BAGI MEWUJUDKAN PERASAAN SALING MEMAHAMI ANTARA KERAJAAN DAN RAKYAT YANG AKAN MEMUDAHKAN USAHA MENYELESAIKAN SEGALA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA.

PEMIMPIN YANG TERPUTUS HUBUNGAN DENGAN RAKYAT MERUPAKAN PEMIMPIN YANG TELAH LUPA DARATAN DAN TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI PEMIMPIN, KATANYA SEMASA MELANCARKAN PERHIMPUNAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEMARAK) PERINGKAT NEGERI MELAKA DI KAWASAN PENAMBAKAN LAUT DI BANDAR HILIR DI SIMI HARI INI.

+KEMPEN IMI (PERHIMPUNAN SEMARAK) AKAN MENDEKATKAN LAGI PEMIMPIN DENGAN RAKYAT BAGI SAMA-SAMA MENGULANGI IKRAR UNTUK BERJUANG MENEGAKKAN NEGARA AGAR TIDAK KETINGGALAN ZAMAN, LEBIH MAJU DAN DIHORMATI OLEH DUNIA.

+KALAU TIDAK ADA SEMARAK AKAN TERPUTUSLAH HUBUNGAN RAKYAT DENGAN PEMIMPIN DAN PEMIMPIN AKAN HANYA MENEMUI RAKYAT SEMASA PILIHAN RAYA SAHAJA,+ KATANYA. -- LAGI

1357MST 21 08 88

R 0487 DEB
MAHATHIR - SEMARAK 2 MELAKA

BELIAU BERKATA HUBUNGAN YANG ERAT JUGA TELAH MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENTADBIR NEGARA DENGAN BAIK SEJAK NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN MESKIPUN PENDUDUKNYA BERBILANG KAUM.

MEMURUTNYA, SIKAP TOLAK ANSUR DI KALANGAN RAKYAT PELBAGAI KAUM JUGA MENYERAPKAN NEGARA MAMPU BERKEMBANG LEBIH PESAT BERBANDING DENGAN NEGARA-MEGARA LAIN YANG TIDAK MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM DAN MERUPAKAN NEGARA YANG SAMA-SAMA MENCAPAI KEMERDEKAAN DENGAN MALAYSIA.

+SUNGGUHPUN KITA MENGHADAPI MASALAH KAUM, KITA BERJAYA MENGATASI MASALAH ITU MELALUI RUNDINGAN DAN KERJASAMA ANTARA KAUM DALAM BARISAN NASIONAL (BN),+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN BN MERUPAKAN KERAJAAN CAMPURAN YANG UNIK DAN KUAT KERANA IA DIWUJUDKAN ATAS SEMANGAT KERJASAMA SEBELUM PILIHAN RAYA DIADAKAN BERBANDING DENGAN KERAJAAN CAMPURAN DI NEGARA LAIN YANG DIWUJUDKAN KERANA TIDAK ADA PARTI YANG MENDAPAT MAJORITI UNTUK MEMERINTAH.

KERAJAAN CAMPURAN YANG DIWUJUDKAN SELEPAS PILIHAN RAYA BIASANYA AKAN MENJADI LEMAH APABILA ADA PARTI YANG MENARIK DIRI DAN RAKYAT YANG TIDAK PUAS HATI AKAN BERTINDAK LIAR APABILA MASALAH TIDAK DISELESAIKAN MELALUI RUNDINGAN, KATA BELIAU. -- LAGI

1359MST 21 08 88

R 8488 DEB

MAHATHIR - SEMARAK 3 MELAKA

+KITA HARUS BANGGA KERANA RAKYAT MASIH BERSATU DAN 1001 MACAM MASALAH TELAH DISELESAIKAN SEJAK KEMERDEKAAN MELALUI RUNDINGAN SECARA WARAS DAN SEMUA PIHAK MENERIMA KEPUTUSAN DENGAN BAIK.

+RAKYAT DI NEGARA INI TIDAK TUNJUK PERASAAN DAN BERTINDAK LIAR SEPERTI DI NEGARA LAIN KERANA KITA MEMPUYAI JENTERA RUNDINGAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DAN SETERUSNYA MEWUJUDKAN SUASANA YANG BAIK UNTUK PEMBANGUNAN,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA KEKECOHAN AKAN HANYA MERUGIKAN RAKYAT DAN NEGARA KERANA BUKAN SAHAJA PELABUR ASING TIDAK MAHU MELABUR DI SINI MALAH PELABUR TEMPATAN JUGA AKAN +MEMBAWA DUIT MEREKA KE TEMPAT LAIN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN DAN RAKYAT PERLU BELAJAR DARI SEJARAH BUKAN SAHAJA SEJARAH NEGARA MALAH SEJARAH NEGARA-NEGARA LAIN SEBAGAI RUJUKAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH.

KATANYA, RAKYAT JUGA PERLU SAMA-SAMA MEMASTIKAN AGAR NEGARA TIDAK DIJAJAH SEMULA DAN RAKYAT TIDAK MENGALAMI NASIB SEPERTI PENDUDUK DI KAMPUCHEA DAN AFGHANISTAN.

+DARIPADA SEJARAH JUGALAH KITA DAPAT MENGENALPASTI PUNCA PEMBANGUNAN KAUM YANG TIDAK SEIMBANG DAN SETERUSNYA MENGATUR RANCANGAN YANG BETUL-BETUL BERKESAN,+ KATANYA. -- LAGI

1406MST 21 08 88

0887

R 8489 DEB

MAHATHIR - SEMARAK 4 MELAKA

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN RAKYAT AGAR TIDAK LUPA KEPADA SEJARAH HITAM 13 MEI 1969, YANG MENURUTNYA, BERLAKU AKIBAT PEMIMPIN LALAI DAN TIDAK MAHU MENDENGAR SUARA RAKYAT.

SEBELUM ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERINYA DATUK SERI DATIM PADUKA DR SITI HASMAH ALI DI LAPANGAN TERBANG BATU BERENDAM DISAMBUT OLEH KETUA MENTERI DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK DAN Pengerusi SEMARAK PERINGKAT KEBANGSAAN, DATUK MOHAMED RAHMAT.

DI TAPAK PERHIMPUNAN PULA, PERDANA MENTERI DIIRINGI OLEH KIRA-KIRA 1,000 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA ANGGOTA KUMPULAN KOMPANG, PEMBAWA BUNGA MANGGAR DAN BENDERA MENUJU KE PENTAS UNTUK MENYERTAI TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, PARA MENTERI KABINET, MENTERI-MENTERI BESAR SERTA PARA PEGAWAI NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, ENCIK GHAFAR DAN PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN KEMUDIAN BERSAMA-SAMA MENAIKKAN BENDERA MALAYSIA BERUKURAN 10M X 5M DI HADAPAN PENTAS SAMBIL DISAKSIKAN OLEH LEBIH 30,000 ORANG.

SELEPAS MELANCARKAN PERHIMPUNAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR SERTA PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN MASING-MASING MENGAYUH BECA SEJAUH 1.5KM KE MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN UNTUK MENYERAHKAN 10 BECA KEPADA PERSATUAN BECA KOTA MELAKA. -- BERNAMA

1406MST 21 08 88
